

NO. SOALAN : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6900

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pengambilan wanita asing sebagai GRO dan tukang urut. Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengeluarkan kuota dan permit untuk pekerjaan tersebut memandangkan terdapat banyak kes melibatkan kedua-dua bidang ini. Ia juga berkaitan dengan pemerdagangan manusia yang semakin serius di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar semasa membenarkan pengambilan pekerja asing bagi sub sektor perkhidmatan spa dan sub sektor perkhidmatan refleksologi yang mana Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah Agensi Kawal Selia bagi kedua-dua sub sektor perkhidmatan tersebut. Bagaimanapun, pengambilan pekerja asing bagi selain sub sektor tersebut seperti GRO dan tukang urut adalah tidak dibenarkan. Justeru itu, mana-mana wanita asing yang bekerja sebagai GRO dan tukang urut adalah bekerja secara tidak sah dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Pada masa ini, Kerajaan masih tidak bercadang untuk membenarkan pengambilan pekerja asing sebagai GRO dan tukang urut. Bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk membenarkan pekerja asing bekerja sebagai GRO dan tukang urut adalah sewajarnya perkara ini dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) yang bertanggungjawab untuk menilai dan memutuskan dasar-dasar berkenaan pekerja asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia.

Mengenai langkah yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah pengambilan wanita asing sebagai GRO dan tukang urut, Kerajaan telah mengambil inisiatif seperti mana berikut:

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir GRO dan tukang urut yang bekerja secara tidak sah di Malaysia dan melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007. Operasi ini dilaksanakan secara bersepadu oleh Jabatan Imigresen Malaysia bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta agensi lain;
- (ii) membuat naziran ke premis-premis hiburan yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi yang mengambil pelajar antarabangsa;
- (iii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;

- (iv) mengadakan *engagement* dengan penduduk setempat dan ketua masyarakat dalam perkongsian maklumat mengenai keberadaan GRO dan tukang urut di kawasan setempat; dan
- (v) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).